

## TAHAP MOTIVASI DAN TANGGAPAN PEMBACA MATANG TERHADAP NASKHAH TERBITAN BUKU FIXI

\*Mohd Syuhaidi Abu Bakar, Norsyahirah Ngah@Muhammad

<sup>1</sup>Faculty of Film, Theatre and Animation  
Universiti Teknologi MARA Selangor, Kampus Puncak Perdana  
40150, Shah Alam, Selangor, Malaysia

\*Corresponding author's email: [syuhaidi@salam.uitm.edu.my](mailto:syuhaidi@salam.uitm.edu.my), [drmohdsyuhaidi@gmail.com](mailto:drmohdsyuhaidi@gmail.com)

*Submission date: 15 July 2018 Accepted date: 15 October 2018 Published date: 15 November 2018*

### Abstract

Buku Fixi is one of Malaysia's indie publishing companies that actively publishing derivative works. However, there are instances and accusations that the indie publishing companies do not emphasize the values of languages in their works, leading to negative perception towards indie publishing companies and decreasing motivation to support such organizations. The objective of this study is to identify the perceptions and the level of motivation among readers of Buku Fixi. This study uses quantitative methods and involving 129 respondents selected using purposive sampling. Data is collected online using Google Forms. Data is then analyzed descriptively and represented by percentages. The results of this study show that respondents have a positive perception of Buku Fixi and they have a high motivation to continue reading the products of Buku Fixi.

**Keywords:** Motivation, Fixi Book, Indie Publication

### Abstrak

Buku Fixi adalah antara syarikat yang aktif menerbitkan novel-novel. Walau bagaimanapun, wujud tanggapan dan tuduhan bahawa penulis novel *indie* tidak menitikberatkan nilai-nilai bahasa di dalam karya mereka. Objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti tanggapan dan tahap motivasi pembaca matang terhadap novel-novel terbitan Fixi. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan melibatkan 129 responden yang dipilih menggunakan persepelangan bertujuan (*purposive sampling*). Data dikumpul secara atas talian menggunakan *Google Forms*. Data kemudian dianalisis secara deskriptif dan diwakili peratusan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa responden mempunyai tanggapan yang positif terhadap Buku Fixi dan mereka mempunyai motivasi yang tinggi untuk terus membaca naskhah terbitan Buku Fixi.

**Kata Kunci:** Tahap Motivasi, Tanggapan Pembaca, Pembaca Matang

## 1.0 PENGENALAN

Psikologi merupakan kajian yang dilakukan secara saintifik mengenai tingkah laku dan proses pemikiran atau mental seseorang. Secara amnya, motivasi melibatkan tiga jenis keadaan iaitu motivasi mewujudkan sesuatu situasi, situasi mewujudkan sesuatu tingkah laku dan seterusnya tingkah laku itu menuju ke sesuatu matlamat.

Terdapat dua jenis motivasi iaitu motivasi dalaman dan luaran diri seseorang motivasi dalaman dikenali sebagai motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik bagi motivasi luaran. Richard dan Edward (2000) mendefinisikan motivasi intrinsik wujud secara semula jadi akibat daripada rangsangan dalaman. Kepuasan dan perasaan ingin tahu adalah motivasi intrinsik. Bagi pembaca yang mencapai tahap motivasi intrinsik kesediaan seseorang ingin mencuba sendiri sesuatu yang terjadi pada watak di dalam novel yang dibaca.

Menurut Deci (1975), motivasi intrinsik dapat diterangkan sebagai keadaan psikologi yang diakibatkan apabila individu menganggap diri mereka berkebolehan dan dapat menentukan sesuatu dengan sendiri. Manakala motivasi ekstrinsik berpunca dari luaran iaitu apabila kita buat sesuatu bagi mendapatkan ganjaran seperti pujian mahupun penghargaan.

## 2.0 PERMASALAHAN KAJIAN DAN TINJAUAN LITERATUR

### 2.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Kebanyakan pembaca matang yang banyak terdedah kepada buku-buku *indie* atau buku alternatif ini tidak mempunyai motivasi dalaman mahupun luaran. Tidak semua buku *indie* bermutu, malah ada buku disusun dengan mengambil status di media sosial namun tarikan pembaca muda banyak kearah sana. Apapun, sudah tentu orang yang suka membaca lebih baik daripada mereka yang tidak gemar membaca, seperti hujahan Syed Hussein Alatas di dalam Berita Harian Online (2016).

Kajian ini juga bertujuan untuk menepis tanggapan negatif terhadap buku terbitan *fixi* yang dikatakan tidak menjaga bahasa serta gaya penulisan. Mentafsir tahap motivasi pembaca matang dapat memperbaiki gaya penulisan pengkarya. Sebagai pengkarya, mereka mempunyai pengikut sendiri.

Oleh itu pengarang perlu memainkan peranan untuk menyampaikan sesuatu yang memberi manfaat kepada pengikutnya dengan menambahkan elemen yang mengajak pembaca berfikir secara matang selain dapat menambah minat membaca di kalangan masyarakat.

Kajian mengenai pembaca matang Buku *Fixi* masih belum diadakan oleh itu, penulis akan menjalankan kajian ini secara terperinci terhadap pembaca matang Buku *Fixi* untuk menjawab ketiga-tiga objektif kajian di atas. Buku merupakan penulisan ilmiah yang mengandungi informasi serta ilmu pengetahuan yang hampir kesemuanya mampu memberikan faedah kepada pembaca. Ujar Reid (2015):

*“Book have their own role to play. They give you a platform and allowing you to create new breed of public intellectual can effect change”*

Pembaca akan mendapat sesuatu informasi dari pembacaan buku untuk tujuan tertentu. Oleh itu secara tidak langsung misi pengkarya adalah menyediakan dan memberitahu maklumat. Isi yang terkandung seharusnya sesuai dengan pembaca untuk memahami dan menggunakan sesuatu informasi yang terkandung di dalam sesebuah buku dengan lebih efisien. Pengkarya kini semakin berani dan bebas namun banyak berunsur realistik dalam rekaan fiksyennya dan banyak mengeluarkan suara tentang permasalahan sekeliling melalui karya mereka.

Kemunculan buku *indie* telah mengubah minda ke skop yang berbeza. Hal ini kerana penulisnya seringkali mendedahkan sesuatu yang luar dari minda sehingga menyebabkan buku *indie* mempunyai

pengikut tersendiri. Namun begitu, kebanyakan penggunaan bahasa buku-buku *indie* ini bersifat kasar berbeza dengan buku-buku arus perdana yang lain.

Menurut Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Seri Md Salleh Yaapar berkata di dalam Portal Astro Awani bahawa individu yang menggelarkan diri mereka sebagai penulis buku *indie* dengan menerbitkan buku *indie* tanpa menghiraukan tatabahasa dan nilai Bahasa Melayu yang sebenar. Dengan itu DBP bimbang jika buku-buku *indie* memberi pengaruh negatif terhadap Bahasa Melayu dan maruah bangsa Melayu. Isu ini seterusnya diselesaikan melalui objektif kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji.

## 2.2 TINJAUAN LITERATUR

Motivasi boleh dikesan melalui rangsangan atau dorongan seseorang di dalam amalan membaca. Seseorang yang tidak mempunyai motivasi tidak akan mempunyai minat untuk membaca. Ini membuktikan bahawa amalan membaca haruslah bermula dengan dorongan dan minat serta tanggapan positif tentang bahan bacaan yang dipilih. Tidak dinafikan membaca adalah titik permulaan penelahan dan jelajah ilmu para cendekiawan dan filsafat dunia barat mahupun timur, klasik mahupun moden Anas kata Alam Faizli di dalam Awani Online (2016).

Richard dan Edward (2002) berkata, motivasi terbahagi kepada dua iaitu motivasi dalaman dan motivasi luaran. Motivasi intrinsik ialah dorongan yang menolok seseorang secara sukarela untuk melakukan sesuatu perkara. Hal ini berlaku kerana perkara tersebut mempunyai kepetingan di dalam diri mereka sendiri. Motivasi intrinsik juga hadir kerana seseorang telah merasa selesa ataupun seronok dalam melakukan sesuatu perkara yang di ingini.

Walter Benjamin (1903-1969M) dan Theodor Adorno (1903-1969M) dianggap sebagai pencetus kepada gerakan *indie* berdasarkan ideology mereka kepada budaya popular pada zaman itu iaitu pada zaman Mazhab Frankfurt (Zul Fikri Amir, 2015). Mazhab Frankfurt adalah sebuah aliran pemikiran neo-Marxisme iaitu aliran pemikiran yang diasaskan oleh Karl Marx dengan menyebarkan ideology Kapitalisme dan Sosiolisme berpusat di Frankfurt, Jerman.

Menjadi kebiasaan individu akan memikirkan perkara negatif dahulu berbanding perkara positif. Pemikiran individu akan memikirkan sesuatu yang negatif lebih terperinci berbanding memikirkan perkara positif. Individu yang berfikiran negatif akan lebih bersedia berbanding dengan individu yang berfikiran positif. Jadi individu yang berfikiran negatif mempunyai perancangan dan lebih bersedia dalam menghadapi sesebuah situasi (The New York Times, 2012).

## 3.0 KAEDAH KAJIAN

Menurut Earl Babbie (2010), kaedah kuantitatif bermaksud kaedah yang mempunyai pengiraan data statistik dan matematik di mana kesemua data tersebut yang dikumpul melalui instrumen kajian seperti borang soal selidik. Kaedah ini menggunakan borang soal selidik yang diedarkan secara atas talian kepada golongan pembaca matang di Malaysia. Soalan-soalan dibentangkan menggunakan Skala Likert dan data kemudian di analisis menggunakan perisian SPSS dan diwakili menggunakan peratusan (%).

## 4.0 DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 LATAR BELAKANG RESPONDEN (n= 129)

Dapatan kajian mendapati 52% responden adalah perempuan dan 69% daripada mereka adalah berumur 18 sehingga 25 tahun. Majoriti daripada responden adalah berstatus bujang (74%) dan berbangsa Melayu (76%).

Pemboleh Ubah	N=129	Peratus (%)
<b>Jantina</b>		
Lelaki	61	47.3
Perempuan	68	52.7
<b>Umur</b>		
18- 25 Tahun	89	69
26- 30 Tahun	20	15.5
31 Tahun ke atas	20	15.5
<b>Status</b>		
Bujang	96	74.49
Berkahwin	24	18.6
Lain- Lain	9	7
<b>Bangsa</b>		
Melayu	98	76
Cina	17	13.2
India	11	8.5
Lain- Lain	3	2.3

Rajah 1: Latar Belakang Responden

#### 4.2 MOTIVASI INTRINSIK (n= 129)

No	Kenyataan	Sangat Tidak setuju	Tidak Setuju	Neutral	Setuju	Sangat Setuju
1	Saya merupakan peminat sastera	2 (1.6%)	7 (5.4%)	27 (20.9%)	43 (33.3%)	50 (38.8%)
2	Saya lebih tertarik untuk membaca buku terbitan Fixi berbanding buku terbitan lain	4 (3.1%)	12 (9.3%)	25 (19.4%)	49 (38%)	39 (30.2%)
3	Saya akan menuju ke ruangan buku terbitan	6	15	19	50	39

	Fixi apabila mengunjungi kedai buku	(4.7%)	(11.6%)	(14.7%)	(38.8%)	(30.2%)
4	Saya sentiasa mengunjungi laman web Fixi untuk mendapatkan terbitan terbaru	19 (14.7%)	12 (9.3%)	24 (18.6%)	47 (36.4%)	27 (20.9%)
5	Saya telah sedia maklum bahawa syarikat penerbitan Fixi wujud pada tahun 2011	11 (8.5%)	18 (14%)	15 (11.6%)	53 (41.1%)	32 (24.8%)
6	Saya mula membaca buku terbitan Fixi sejak sebelum isi pengharaman buku indie	15 (11.6%)	16 (12.4%)	18 (14%)	46 (35.7%)	34 (26.4%)
7	Saya membaca buku terbitan Fixi kerana penggunaan ayat yang lebih santai	6 (4.7%)	6 (4.7%)	19 (14.7%)	55 (42.6%)	43 (33.3%)
8	Saya menyarankan buku terbitan Fixi kepada rakan-rakan dan keluarga	6 (4.7%)	8 (6.2%)	24 (18.6%)	56 (43.4%)	35 (27.1%)
9	Buku terbitan Fixi menarik minat saya melalui gaya penulisan moden	3 (2.3%)	12 (9.3%)	17 (13.2%)	56 (43.4%)	41 (31.8%)
10	Saya memahami konsep buku indie dan dapat membezakan dengan arus buku perdana	3 (2.3%)	13 (10.1%)	19 (14.7%)	56 (43.4%)	38 (29.5%)

Rajah 2: Motivasi Intrinsik

#### 4.3 MOTIVASI EKSTRINSIK (n= 129)

BIL	KENYATAAN	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Neutral	Setuju	Sangat Setuju
1	Saya mengetahui syarikat terbitan Fixi melalui rakan/guru/ pensyarah	11 (8.5%)	18 (14%)	35 (27.1%)	41 (31.8%)	24 (18.6%)
2	Saya mengetahui syarikat terbitan Fixi melalui majalah/surat khabar/television	12 (9.3%)	36 (27.9%)	34 (26.4%)	33 (25.6%)	14 (10.9%)
3	Saya hanya akan membeli buku terbitan Fixi sekiranya tajuk buku berjaya menarik minat saya	6 (4.7%)	30 (23.3%)	24 (18.6%)	38 (29.5%)	31 (24%)
4	Saya hanya akan membeli buku terbitan Fixi sekiranya kulit buku berjaya menarik perhatian	4 (3.1%)	32 (24.8%)	34 (26.4%)	39 (30.2%)	20 (15.5%)
5	Saya hanya akan membeli buku terbitan Fixi sekiranya buku itu ditulis oleh penulis tertentu	7 (5.4%)	27 (20.9%)	35 (27.1%)	37 (28.7%)	23 (17.8%)
6	Saya mula membaca buku terbitan Fixi setelah isu pengharaman buku indie di Malaysia	22 (17.1%)	35 (27.1%)	30 (23.3%)	28 (21.7%)	14 (10.9%)
7	Saya mengetahui buku terbitan Fixi melalui Twitter	12 (9.3%)	26 (20.2%)	36 (27.9%)	31 (24%)	24 (18.6%)
8	Saya mula membaca buku terbitan Fixi sejak ia mula hangat dibincangkan di media sosial	15 (11.6%)	32 (24.8%)	36 (27.9%)	26 (20.2%)	20 (15.5%)
9	Saya akan meninjau ke semua rak buku apabila berkunjung ke kedai buku	7 (5.4%)	26 (20.2%)	37 (28.7%)	31 (24%)	28 (21.7%)

10	Saya tidak dapat membezakan antara buku indie dengan buku arus perdana	19 (14.7%)	38 (29.5%)	33 (25.6%)	21 (16.3%)	18 (14%)
----	--	---------------	---------------	---------------	---------------	-------------

Rajah 3: Motivasi Ekstrinsik

### 4.3 TANGGAPAN PEMBACA MATANG TERHADAP BUKU TERBITAN FIXI

BIL	KENYATAAN	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Neutral	Setuju	Sangat Setuju
1	Buku terbitan Fixi tidak wajar diterbitkan	37 (28.7%)	39 (30.2%)	25 (19.4%)	17 (13.2%)	11 (8.5%)
2	Buku terbitan Fixi perlu diharamkan di Malaysia	48 (37.2%)	30 (23.3%)	26 (20.2%)	14 (10.9%)	11 (8.5%)
3	Buku terbitan Fixi menyedarkan saya bahawa tidak semua novel bergenre cinta	4 (3.1%)	20 (15.5%)	33 (25.6%)	31 (24%)	41 (31.8%)
4	Karya di dalam penulisan buku terbitan Fixi lebih bersifat realistik	4 (3.1%)	20 (15.5%)	39 (30.2%)	35 (27.1%)	31 (24%)
5	Gaya penulisan buku terbitan Fixi banyak menggunakan perkataan lucu/kesat/kasar	13 (10.1%)	35 (27.1%)	37 (28.7%)	21 (16.3%)	23 (17.8%)
6	Buku terbitan Fixi hanya sesuai untuk pembaca matang sahaja	10 (7.8%)	21 (16.3%)	30 (23.3%)	28 (21.7%)	40 (31%)
7	Buku Fixi menjadi inspirasi untuk saya menjadi seorang penulis	10 (7.8%)	26 (20.2%)	38 (29.5%)	26 (20.2%)	29 (22.5%)
8	Buku Fixi membuatkan saya hidup di dalam dunia realiti	8 (6.2%)	19 (14.7%)	38 (29.5%)	39 (30.2%)	25 (19.4%)
9	Buku terbitan Fixi memberi kesan positif di dalam diri saya	11 (8.5%)	14 (10.9%)	40 (31%)	39 (30.2%)	25 (19.4%)
10	Buku terbitan Fixi memberi kesan negatif di dalam diri saya	30 (23.3%)	31 (24%)	34 (26.4%)	19 (14.7%)	15 (11.6%)

Rajah 4: Tanggapan Pembaca Matang

### 5.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Dapatan kajian mendapati lebih separuh daripada jumlah keseluruhan responden yang telah menjawab soalan kaji selidik yang telah diedarkan menyatakan mereka suka dan menyokong naskah keluaran Buku Fixi kerana ianya sesuai dengan minat dan gaya hidup harian mereka. Ini merupakan satu bukti sokongan kewujudan motivasi intrinsik. Menurut Fiske (2010), budaya yang menjadi ikutan ialah satu budaya yang disukai ramai. Gaya penulisan yang tidak begitu formal menjadikan buku Fixi menjadi bahan bacaan dan mempunyai peminat yang tersendiri. Zarinal Zainol dan Prof. Madya Zaiton Endot (2006) juga berpendapat bahawa kemudahan material bahan bacaan dapat membantu meningkatkan frekuensi atau

jumlah pembacaan santai. Oleh itu naskhah keluaran Buku Fixi boleh dijadikan titik permulaan bagi sesetengah pihak untuk mendorong minat dan budaya membaca di dalam diri seseorang itu.

Dapatan kajian juga mendapati pembaca matang mempunyai motivasi ekstrinsik yang neutral terhadap naskhah keluaran Buku Fixi. Rekabentuk kulit buku memberi pengaruh besar kepada motivasi ekstrinsik pembaca matang untuk membeli dan seterusnya membaca naskhah keluaran Buku Fixi. Apatah lagi Fixi mempunyai *trademark* ataupun syarat iaitu *title* buku wajib satu patah perkataan sahaja seperti Asrama, Gantung, Lari dan sebagainya

Dapatan kajian juga mendapati responden mempunyai tanggapan yang neutral terhadap naskhah keluaran Buku Fixi. Walaubagaimanapun, 37% responden tidak bersetuju yang Buku Fixi perlu diharamkan di Malaysia. Malah, 50% daripada responden bersetuju bahawa naskhah keluaran Buku Fixi memberikan kesan yang baik kepada diri mereka

Kesimpulannya, apabila seseorang itu telah minat membaca ianya akan menjadi suatu budaya yang akan diamalkan menjadi satu kesukaan yang menyebabkan mereka akan tetap membaca bahan- bahan bacaan ilmiah yang lain. Ini membuktikan bahawa mereka mendapat aurat positif dengan bahan bacaan yang disediakan oleh Fixi. Ini kerana mereka mempunyai minat sendiri di dalam mencari bahan yang mendorong kepada sesuatu matlamat diri mereka.

Antara dorongan yang paling tinggi adalah responden masih boleh membezakan buku *indie* dengan buku arus perdana yang lain. Ini juga membuktikan bahawa responden bukan hanya membaca buku *indie* tetapi mereka mempunyai minat membaca yang mendalam dengan apa jua bahan bacaan.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Aziz (1997), *Motivasi dan pembangunan diri*. Cheras, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd
- Anas Alam Faizli (2016). 8 Rialiti mengapa kerajaan Malaysia wajar biayai pendidikan tinggi. *Astro Awani Online*. Dipetik daripada <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/8-reality-mengapa-kerajaan-malaysia-wajar-biayai-pendidikan-tinggi-131276>
- Bahagian Penyelidikan dan Penerbitan Biro Tatanegara (2015). *Slide: Gerakan indie di malaysia*. Dipetik daripada <http://archive.org/detail/GerakanIndieMalaysia>
- Burgess, J., & Gold, J. R. (2015). *Geography, the media and popular culture*. London: Routledge.
- De Bono, E. (1997). *Pemikiran lateral*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn.Bhd.
- Deci, E. L (1975). *Intrinsic motivation*. New York: Plenum
- Earl Babbie (2010). *The Methodology*. London: Sage
- Fiske, J. (2010). *Understanding popular culture*. London: Routledge.
- Higgins, E. T., & Kruglanski, A. W. (2000). *Motivation science: Social and personality perspective*. Philadelphia: Psychology Press.

- Kamarudin Hj Husin (1993). *Pedagogi 3: Penggunaan psikologi dalam bilik darjah*. Kuala Lumpur: Longman.
- Lear, J. (2005). *The peculiar conversation: In Freud*. London: Routledge.
- Lepper, M. R., & Greene, D. (2015). *The hidden costs of reward: New perspectives on the psychology of human motivation*. London: Psychology Press.
- Malaysia Kini (2015). BTN mahu kerajaan haram buku indie. Dipetik daripada [www.malysiakini.com/news/301915](http://www.malysiakini.com/news/301915)
- McLeod, S (2008). *Simply psychology*. Dipetik daripada [www.simplypsychology.org/likert-scale.html](http://www.simplypsychology.org/likert-scale.html)
- Norlaili Abdul Rahman (2016). Buku indie alternatif untuk pembaca. *Malaysia Gazette*. Dipetik daripada [www.malysiagazette.com/ms/nasional/bukuindie-alternatif-untuk-pembaca](http://www.malysiagazette.com/ms/nasional/bukuindie-alternatif-untuk-pembaca)
- The New York Times (2012). Expectation people. Dipetik daripada [www.thenewyorktimes.com/news/201916](http://www.thenewyorktimes.com/news/201916)
- Richard & Edward (2002). *Beyond Talk: Creating autonomous motivation through self-determination theory*. London: Routledge.
- Sim S. (penyt.). (2011). *Postmodernism and fiction: The Routledge companion to Postmodernism*. London: Routledge.
- Syed Husin, A. (1979). *Orang Melayu: Masalah dan masa depannya*. Kuala Lumpur: Penerbitan Adabi Sdn.bhd.
- Vaughan, R. (2008). *Conceptual Framework*. Dipetik daripada [www.bournemouth.ac.uk/.../r\\_vaughan.ppt](http://www.bournemouth.ac.uk/.../r_vaughan.ppt)
- Waltz, M. (2005). *Alternative and activist media*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Zul Zainol, & Prof. Madya Zainol Endot (2006). *Sandaran kajian umum mengenai pembaca santai di kalangan pelajar*. Dipetik daripada [http://eprints.utm.my/251/2/ZarinaZainol2006\\_Sandarankajianumummengenalipembaca.pdf](http://eprints.utm.my/251/2/ZarinaZainol2006_Sandarankajianumummengenalipembaca.pdf)
- Zul Fikri Zamir (2015). *Buku pop yang meresahkan orang lambak*. Dipetik daripada <http://zulfikrizamir.com/2015/05/buku-pop-baca-indie-yang-meresahkan-orang-lambak>